

SOALAN NO. 115

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD

[BUKIT GANTANG]

TARIKH : 16 JUN 2014 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan kenapakah Jabatan Kebajikan Masyarakat masih membuat peraturan setiap penerima bantuan OKU untuk memperbaharui pendaftaran OKU setiap tahun, ini menyusahkan mereka untuk berurusan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa komited dalam memberi perkhidmatan kepada kumpulan sasar termasuk Orang Kurang Upaya (OKU) bagi meningkatkan kualiti hidup serta kesejahteraan golongan tersebut.

Berdasarkan World Disability Report 2011 oleh Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) dan World Bank, dianggarkan sebanyak 15% daripada penduduk sesebuah negara adalah terdiri daripada kalangan Orang Kurang Upaya (OKU). Mengikut jumlah populasi semasa negara ini sebanyak 29.9 juta, dianggarkan 4.4 juta orang penduduk adalah terdiri daripada kalangan OKU. Walaupun begitu sehingga tahun 2013 hanya sejumlah 464,967 orang OKU telah didaftarkan melalui JKM. Pendaftaran OKU adalah dibuat secara sukarela meliputi tujuh (7) kategori ketidakupayaan iaitu Masalah Pembelajaran (170,809), Fizikal (153,918),

Pendengaran (55,517), Penglihatan (42,909), Pelbagai (22,091), Mental (16,998) dan Pertuturan (2,725).

Objektif pendaftaran OKU adalah untuk mengetahui bilangan, taburan dan kategori OKU di negara ini bagi maksud merancang program berkaitan dengan pencegahan, pendidikan, habilitasi dan rehabilitasi, latihan serta perkhidmatan. Pada masa yang sama, pendaftaran OKU membolehkan pihak kerajaan merancang penyediaan kemudahan yang bersesuaian dengan keperluan OKU serta membolehkan OKU yang berdaftar mendapat perkhidmatan yang bersesuaian menurut keperluan berdasarkan tahap kefungsian / ketidakupayaan mereka.

Pendaftaran OKU hanya dibuat sekali sahaja dan tidak perlu diperbaharui setiap tahun. OKU yang telah berdaftar dengan JKM akan diberikan kad OKU iaitu suatu tanda pengenalan diri yang dikeluarkan kepada OKU bagi memudahkan mereka berurus dengan pihak-pihak yang berkenaan. Walaupun begitu sekiranya Kad OKU tersebut hilang, rosak, OKU telah mencapai umur 18 tahun atau berlaku perubahan kategori ketidakupayaan, kad OKU tersebut perlu diperbaharui di mana-mana Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah / Jajahan / Bahagian di seluruh negara.